



KPWKM

TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

PROGRAM

**PERASMIAN BENGKEL KEJURULATIHAN (T.O.T)
PROGRAM MEMPERKASA WANITA DAN KELUARGA
MENANGANI TEKANAN**

LOKASI / TARIKH / MASA

**PUSAT LATIHAN LKIM CAMAR LAUT, BAGAN LALANG, SEPANG /
11 APRIL 2021 (AHAD) / JAM 10.30 PAGI**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Prihatin

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

(A) **PENDAHULUAN**

1. **Alhamdulillah**, bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, saya dikurniakan **Kekuatan, Kesihatan dan Kesempatan** untuk hadir ke **Majlis Perasmian Bengkel Kejurulatihan Program Memperkasa Wanita dan Keluarga Menangani Tekanan**, anjuran **Persatuan MamaCare Malaysia dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, L-P-P-K-N.**
2. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan **TAHNIAH** kepada **para Pengamal Mamacare** yang terpilih untuk mengikuti kursus ini sebagai **Jurulatih Program Keluarga Ceria Tanpa Stres** yang akan dilaksanakan ke seluruh negara kelak. Tahniah juga diucapkan kepada **Persatuan Mamacare Malaysia** dan **LPPKN** atas

inisiatif melatih dan memperkasakan pengamal MamaCare Negeri Selangor dengan kemahiran tambahan bersifat psikososal dalam membantu wanita dan keluarga menangani tekanan, selain kemahiran urutan ibu selepas bersalin.

3. Saya melihat program ini merupakan satu inisiatif yang sangat menarik, kerana ia memberikan Pengamal MAMACARE nilai tambah dalam perkhidmatan mereka.

4. Usaha ini mengangkat nilai keupayaan WANITA DALAM DUNIA KEUSAHAWANAN DAN KEMAHIRAN PSIKOSOSIAL. Keupayaan ini dapat saya katakan sebagai satu pendekatan “DARI WANITA UNTUK WANITA DAN KELUARGA” kerana perkhidmatan ini ditawarkan oleh usahawan Wanita untuk membantu wanita-wanita dan keluarga di

luar sana bagi menangani stres, terutamanya dalam mendepani cabaran pandemik COVID-19.

5. Pada pengamatan saya, **program ini juga merupakan satu manifestasi yang membuktikan keupayaan dan kehebatan wanita dari sudut ekonomi dan kemahiran psikososial** yang boleh dicontohi dan diterokai oleh wanita-wanita lain di Malaysia, terutamanya yang berminat untuk menambahkan pendapatan.

6. Semestinya saya amat teruja untuk hadir ke majlis ini. Ia adalah sebahagian daripada **sokongan saya kepada usahawan-usahawan wanita khususnya Pengamal MAMACARE** agar terus **berani mendepani cabaran dalam dunia perniagaan** di samping **menggunakan kemahiran psikososial untuk membantu wanita dan keluarga lain yang berada dalam tekanan.** Ini selaras dengan slogan

yang saya selalu sebutkan iaitu **“Wanita Waja Negara”** dan Tema kepada sambutan Hari Wanita Tahun 2021 ini iaitu **“Wanita Bangkit Mendepani Cabaran”**.

(B) **SOROTAN LATAR BELAKANG MAMACARE**

7. **MamaCare merupakan program inovasi sosial** yang telah **diperkenalkan pada tahun 2012** di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menerusi agensinya LPPKN. Program MamaCare **bermatlamat untuk meningkatkan kesejahteraan wanita dan keluarga melalui pemerksaan ekonomi terutama wanita warga emas dan ibu tunggal.** Melalui program MamaCare, **amalan urutan tradisional ibu selepas bersalin telah diberi nafas baharu** dan **nilai tambah dengan ilmu keibubapaan dan nasihat penjagaan kesihatan**

wanita dan keluarga.

8. Sejak program ini dilaksanakan, pengamal MamaCare telah banyak membantu wanita muda selepas bersalin untuk kembali sihat ke alam pekerjaan. Saya difahamkan juga sejak program ini dilaksanakan, **seramai 1431 Pengamal MamaCare telah dilahirkan.** Saya kira **industri MamaCare ini merupakan industri yang berbaloi untuk diterokai dan diceburi.** Saya difahamkan **seorang Pengamal MamaCare boleh menjana pendapatan minimum RM500 RINGGIT sehingga maksimum RM20 RIBU RINGGIT sebulan, bergantung kepada usaha, komitmen dan kerajinan.** Saya juga difahamkan bahawa **jumlah pendapatan keseluruhan Pengamal MamaCare di Malaysia pada tahun 2020 hampir mencecah RM10 juta.**

9. Bagi **tahun 2020** sahaja, seramai **54,271 orang** wanita telah mendapatkan manfaat daripada perkhidmatan yang disediakan oleh MamaCare. Angka ini menunjukkan bahawa perkhidmatan MamaCara semakin dikenali dan mendapat tempat di hati wanita-wanita yang bersalin. Pasti ramai wanita di luar sana ingin kembali kelihatan anggun dan sihat selepas bersalin.

(C) T.O.T MEMPERKASA WANITA DAN KELUARGA MENANGANI TEKANAN

10. **Seperti yang kita semua sedia maklum, Pandemik COVID-19 merupakan isu sejagat**, yang perlu dihadapi oleh semua pihak dan merupakan satu cabaran baharu kepada Kerajaan-Kerajaan di dunia

untuk menangani krisis ini dengan bijak. **Kerajaan Malaysia tidak terkecuali dalam mendepani cabaran ini.**

11. Kerajaan **turut sama merasai keperitan rakyat di peringkat akar umbi.** Ada rakyat yang **kehilangan pekerjaan,** ada yang **terjejas sumber pendapatan,** tidak kurang juga ada yang **berdepan krisis keluarga dek tekanan hidup semasa pandemik.** **Wanita adalah kelompok yang paling diuji ketika pandemik COVID-19, yang mana perlu menyesuaikan diri dengan amalan norma baharu “Bekerja Dari Rumah” dan menguruskan rumahtangga dalam satu masa.**

12. Justeru, KPWKM melalui LPPKN dengan kerjasama Persatuan MamaCare mengambil peluang untuk melaksanakan **Program Memperkasa Wanita dan Keluarga Untuk Menangani Tekanan** melalui perkongsian kemahiran pengamal MamaCare ini.

13. Menerusi program ini, kita cuba ketengahkan bahawa **urutan tradisional Melayu** tidak hanya sebagai rawatan alternatif, tetapi boleh membantu **memberi keselesaan atau terapi daripada sebarang tekanan.** Di samping itu, program ini juga **bertujuan melatih wanita khususnya para isteri dan ibu dengan kemahiran urutan meredakan tekanan.**

(D) BANTUAN KHAS PERBENDAHARAAN KEPADA PERSATUAN MAMACARE MALAYSIA

14. Justeru, saya pada hari ini berbesar hati menyampaikan **Bantuan Khas Perbendaharaan PENJANA bernilai RM1.2 JUTA RINGGIT kepada Persatuan MamaCare Malaysia** untuk melaksanakan Bengkel Latihan Kejurulatihan ini.
15. Saya dimaklumkan bahawa **seramai 42 orang Pengamal MamaCare yang menjalani Bengkel Latihan Kejurulatihan selama dua (2) hari ini,** akan seterusnya melaksanakan program di peringkat komuniti masing-masing. **Program ini akan diperluaskan pelaksanaannya di 14 buah lokasi di seluruh Negara.** Contohnya, hari ini bertempat di Homestay Banghuris Ulu Chuchuh, Sungai Pelek akan diadakan **program pertama**

bagi Negeri Selangor. **TAHNIAH! Negeri Selangor kerana mendahului rakan-rakan yang lain.** Sebentar lagi Insya-Allah saya akan menyertai mereka di sana.

16. Dijangkakan sebanyak **1,000 PROGRAM** akan dilaksanakan di seluruh negara dengan jangkauan **10,000 WANITA DAN KELUARGA** daripada kumpulan B40 akan mendapat manfaatnya.

(E) **PERATURAN-PERATURAN DI BAWAH AKTA 755 PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI (2021)**

17. Bagi memastikan perkhidmatan terbaik diberikan oleh pengamal MamaCare kepada kaum ibu, **Kementerian melalui LPPKN selaku agensi pelaksana telah berjaya membangunkan Standard Kemahiran**

Pekerjaan Kebangsaan bagi Diploma Kemahiran Malaysia TAHAP 4 atau ringkasnya DKM-4 Penjagaan Ibu Selepas Bersalin MamaCare dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia TAHAP 5 atau ringkasnya DKM-5 Pengurusan Penjagaan Ibu Selepas Bersalin MamaCare.

18. **Standard kemahiran taraf diploma ini telah diluluskan oleh Majlis Latihan Kemahiran Vokasional Malaysia di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia.** Ini merupakan **satu pengiktirafan kepada program MamaCare LPPKN** kerana setara dengan diploma yang lain. **TAHNIAH!** LPPKN.
19. Saya percaya Program MamaCare telah membuka peluang kepada ramai lagi wanita di luar sana untuk berjinak-jinak dengan kemahiran urutan tradisional dan menjadikan sumber pendapatan mereka. **Saya**

menggalakkan wanita untuk terus berani menceburi bidang keusahawanan ini untuk mengubah nasib dan kehidupan yang lebih baik.

20. Pada 1 Mac 2021 lalu, Kementerian Kesihatan Malaysia, telah menguatkuasa peraturan-peraturan di bawah Akta 755 Perubatan Tradisional dan Komplementari 2021. Peraturan ini menetapkan, mulai 15 Mac 2021, mana-mana pengamal perubatan dan komplementari termasuk urutan penjagaan lepas bersalin *atau "post natal"* perlu mendaftar dengan Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari di KKM.
21. Berdasarkan kepada garis panduan akta tersebut, mana-mana pengamal MamaCare dan *post natal* sedia ada yang ingin mendaftar perlu

mempunyai kelayakan DKM-4 bagi penjagaan ibu selepas bersalin.

Ini merupakan satu lagi peluang bagi pengamal MamaCare untuk terus berjaya pada masa akan datang dengan pengiktirafan dan pendaftaran yang teratur di bawah Akta tersebut.

(F) PENGHARGAAN DAN HARAPAN

22. Saya mengambil kesempatan mengucapkan setinggi penghargaan kepada pihak LPPKN dan Persatuan MamaCare Malaysia yang telah bekerjasama dalam usaha mengadakan bengkel kejurulatihan ini.

23. Harapan saya puan-puan yang menjadi peserta hari ini mampu **mencipta kejayaan luar biasa bagi membantu para wanita dan keluarga-keluarga menangani kemurungan.** Dalam masa sama, harapan saya

agar Persatuan MamaCare Malaysia menjadi satu-satunya Pertubuhan Bukan Kerajaan yang terbaik dalam bidang keusahawanan urutan tradisional dan terapi tekanan.

24. Kepada yang belum mencapai DKM-4, **nasihat saya segeralah mempersiapkan kemahiran diri dengan mengambil sekurang-kurangnya Diploma Kemahiran Malaysia Tahap 4 (DKM-4) penjagaan ibu selepas bersalin ini.** Jangan sia-siakan peluang yang telah terbentang di hadapan mata dan manfaatkan peluang pendidikan sepanjang hayat ini sebagai pemangkin kepada kejayaan wanita itu sendiri.

25. Sebelum saya mengakiri ucapan, **suka saya menggesa semua pengamal MamaCare yang ditauliahkan selepas bengkel ini, agar terus berusaha meningkatkan dan melengkapkan diri dengan ilmu kemahiran urutan dengan menghadiri kursus yang bersesuaian pada masa hadapan.**
26. Saya turut berharap agar puan-puan juga mampu memberikan perkhidmatan secara profesional, mesra pelanggan dan menepati prosedur yang ditetapkan.

(G) PENUTUP

27. Saya akhiri ucapan saya dengan serangkap pantun:

**Berbuah Lebat Manggis Berulas
Dimakan Orang Tepian Cangkat
Mamacare Hebat, Servisnya Diperluas
Wanita Dan Keluarga Terima Manfaat**

28. Akhirul kalam, dengan lafaz **Bismillahir Rahmanir Rahim**, saya dengan ini merasmikan **BENGKEL KEJURULATIHAN PROGRAM MEMPERKASA WANITA DAN KELUARGA MENANGANI TEKANAN**, anjuran bersama Persatuan MamaCare Malaysia dan LPPKN bagi tahun 2021. Sekian.

*Wabillahi taufiq walhidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi
Wabarakatuh.*

**YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

11 APRIL 2021